

**MEMO RESIDENSI PELAJAR
KOLEJ KEDIAMAN BESTARI JAYA
PEMBANGUNAN PELAJAR DAN JARINGAN KOMUNITI**

**PENDAFTARAN BARANGAN ELEKTRIK
SEMESTER OGOS 2025**

KEPADA : **SEMUA PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN**

DARIPADA : Pengarah Residensi Pelajar

SALINAN : 1. Presiden & Naib Canselor
2. Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)
3. Pendaftar
4. Bendahari
5. Dekan-dekan Fakulti
6. Timbalan-timbalan Dekan Pemasaran & Pembangunan Pelajar Fakulti/ Pusat
7. Pengarah, Jabatan Keselamatan, Penjimatan dan Kesihatan Pekerjaan
8. Pengarah, Pejabat Antarabangsa
9. Felo Residen

RUJUKAN : UNISEL/KKBJ/25/05(18) Jld.(1)

TARIKH : 08 September 2025


NOR AKMARIAH ABDULLAH K.B.,P.A.
PENGARAH
RESIDENSI PELAJAR
PEMBANGUNAN PELAJAR & JARINGAN KOMUNITI
UNIVERSITI SELANGOR

Assalamualaikum dan salam sejahtera, semua penghuni Kolej Kediaman.

Merujuk kepada Perkara 6.14.7, Peraturan-peraturan Am, Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Edisi Ke-4 (2023) Universiti Selangor, setiap penghuni **WAJIB** mendaftar setiap barangan elektrik yang dibenarkan sahaja.

Mesyuarat Jawatankuasa baharu Pengurusan Eksekutif Kali Ke-331 (Bil. 28/ 2022) telah menetapkan kadar bayaran barangan elektrik yang dibenarkan bawa masuk ke Kolej Kediaman Bestari Jaya (KKBJ) seperti berikut.

Kadar bayaran adalah seperti berikut:

Peralatan	Kadar Bayaran (RM) Semester Pendek
i. Komputer meja/riba	Percuma
ii. Pengecas telefon bimbit/pintar	Percuma
iii. Mesin pencetak	Percuma
iv. Plug sambungan	Percuma
v. Seterika	15.00
vi. Kipas	15.00
vii. Cerek air	15.00
viii. Periuk nasi (biasa/ standard sahaja) * Satu unit kediaman dibenarkan satu periuk nasi biasa sahaja. * 1.8 liter dan ke bawah	15.00

**Perkakas tiada dalam senarai adalah dilarang bawa ke kolej*

Mesyuarat Jawatan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Kali Ke-52 (Bil. 03/2025) telah meluluskan cadangan penambahan senarai barangan elektrik yang dibenarkan seperti berikut:

Kadar bayaran adalah seperti berikut:

Barangan Elektrik	Kadar Bayaran (RM) Semester Pendek	Catatan
i. Peti ais dua pintu (standard)	150.00	Satu unit kediaman hanya dibenarkan satu peti ais sahaja.
ii. Peti ais satu pintu (standard)	100.00	
iii. Chest Freezer	150.00	
iv. Deep Freezer		
v. Dapur elektrik	100.00	Satu unit kediaman dibenarkan satu dapur elektrik sahaja.
vi. Pot masak pelbagai fungsi standard saiz besar	100.00	Satu unit kediaman hanya dibenarkan satu pot masak pelbagai fungsi sahaja.
vii. Pot masak pelbagai fungsi standard saiz kecil	100.00	-
viii. Pengering rambut	15.00	-
ix. Basikal Elektrik (e-scooter) & beam	50.00	-

**Pelajar dalam unit kediaman perlu berbincang untuk berkongsi barangan elektrik*

Pendaftaran barangan elektrik adalah tertakluk kepada peraturan berikut:

- 1. Tempoh pendaftaran yang dibenarkan adalah bermula pada 17 September 2025 hingga 30 September 2025 sahaja.**
- 2. Barangan elektrik perlu dalam keadaan baik dan mempunyai label SIRIM untuk memastikan keselamatan terjamin.**

Proses pendaftaran adalah seperti berikut:

1. Daftar barangan elektrik secara dalam talian menggunakan portal pelajar (Mystudent) di URL <http://mystudent.unisel.edu.my/>
2. Bayar mengikut jumlah secara transaksi dalam talian menggunakan e-wallet di Pejabat Kolej Kediaman atau bayaran tunai di Kaunter Kewangan Pejabat bendahari.
3. Dapatkan pelekat perkakasan elektrik di Kaunter Pejabat Kolej Kediaman.

Hanya pendaftaran dan bayaran mengikut tempoh hari pendaftaran barangan elektrik sahaja diterima.

Jika pelajar didapati tidak mendaftar barangan elektrik, tindakan selanjutnya termasuk kompaun dan penyitaan boleh diambil serta dilupuskan oleh pihak Residensi Pelajar mengikut Peraturan Dan Tatatertib Pelajar.

Kerjasama penghuni dalam mematuhi perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.